

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 18 MAC 2015

RUJUKAN : 7527

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan polisi negara terhadap kebanjiran pendatang asing di negara ini dan mekanisme dalam mengurangkan jumlah pendatang asing yang menetap melebihi tempoh yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia Malaysia (JIM) sentiasa mengalu-alukan kemasukan pendatang asing dengan syarat mereka mematuhi syarat-syarat kemasukan yang dikenakan termasuk tidak tergolong dalam golongan imigran larangan. Mereka juga perlu sentiasa mematuhi syarat-syarat pas imigresen semasa tempoh keberadaan yang dibenarkan.

Dalam masa yang sama, KDN dan JIM juga sentiasa memberi perhatian serius terhadap kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini. Tindakan penguatkuasaan bersepadu seperti tangkap, dakwa dan usir terhadap PATI sentiasa menjadi agenda utama KDN. Operasi Bersepadu ini melibatkan kerjasama antara agensi-agensi seperti JIM, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain. Operasi Bersepadu bagi memburu PATI dilakukan secara besar-besaran dan berterusan bagi tujuan memberi impak yang berkesan kepada masyarakat tentang kesungguhan Kerajaan dalam membasmi PATI.

Kementerian juga pada masa ini sedang merangka satu Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik sebagaimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) pada 19 Januari 2015. Pelan tersebut merangkumi kajian semula dasar dan perundangan termasuk prosedur operasi *standard*, struktur tadbir urus (*line of governance*) dan penguatkuasaan secara berterusan.